

17 FEB 1998

DHL YAKIN POTENSI PASARAN MALAYSIA

PUCHONG, 17 Feb (Bernama) -- DHL Worldwide Express, sebuah syarikat perkhidmatan penghantaran antarabangsa, yakin dengan potensi pasaran perkhidmatannya, biarpun Malaysia mengalami kelembapan ekonomi kebelakangan ini, kata pengarah kawasanya untuk Asean, Bryan Jamison, hari ini.

"Kami akan melabur lebih daripada RM100 juta tahun ini untuk meluaskan perkhidmatan tempatan kami dan jumlah ini tidak termasuk pelaburan untuk kemudahan teknologi serantau terbaru ini," beliau berkata pada majlis tinjauan media untuk pusat teknologi maklumat (IT) serantau DHL yang baru di sini.

Pusat IT Asia Pasifik/Asia Barat, meliputi 33,000 kaki persegi di IOI Mall di Puchong, adalah pusat data HDL untuk 51 buah negara dan wilayah dalam Asia Pasifik dan Asia Barat. Ia menyediakan rangkaian utama di antara Asia, Eropah, Afrika dan Amerika.

Pengarah IT DHL, Stephen McGuckin memberitahu pemberita yang pusat itu dengan pelaburan berjumlah RM80 juta, juga akan menjadi pangkalan bagi pasukan penyelidikan dan pembangunannya membina penyelesaian penyelesaian yang akan disesuaikan dengan persekitaran Asia.

DHL kini mempunyai lima pintu keluar-masuk antarabangsa -- Subang, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching and Kota Kinabalu di samping satu rangkaian menyeluruh 28 pusat servis dan ekspres.

Jamison berkata DHL telah membuka sebuah pusat servisnya baru-baru ini di Pelabuhan Kelang, dan akan memindahkan pusat servisnya di Ipoh dan Pulau Pinang juga ibu pejabatnya dari Petaling Jaya ke sebuah lokasi baru di Lembah Kelang.

Bagaimanapun, beliau berkata pelaburan penting DHL dalam tahun 1998 ialah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baharu di Sepang, di mana ia akan mengadakan kemudahan kargo yang terbesar dengan keluasan lebih kurang 50,000 kaki persegi yang dianggarkan bernilai RM25 juta.

Jamison berkata: "Kami amat gembira dengan manfaat yang ditawarkan oleh KLIA kepada pelanggan-pelanggan DHL, terutamanya jika kerajaan Malaysia menetapkan taraf lapangan terbang itu kepada 'zon komersil bebas' seperti yang dicadangkan."

Ditanya jika kelembapan ekonomi serantau memberi kesan kepada perniagaan DHL, ketua pegawai eksekutifnya untuk Asia Pasifik/Asia Barat, Charles Longley berkata ia masih menilai kesan kelembapan ekonomi ke atas perniagaannya baru-baru ini.

Perniagaan di Asia Pasifik menyumbang sebanyak satu pertiga daripada perniagaan DHL, setara dengan sumbangan dari Eropah dan Amerika kepada perniagaannya, Longley menambah kata pendapatan DHL berjumlah di antara AS\$3 dan AS\$5 bilion (US\$1 = lebih kurang RM3.86).

Jamison berkata biarpun ekonomi serantau adalah lembab kebelakangan ini, masih terdapat peluang kepada DHL kerana negara-negara itu akan meningkatkan eksport mereka yang akan seterusnya menambah jumlah perniagaan kepada DHL.

Ditanya mengapa DHL memilih Malaysia sebagai pusat IT serantaunya yang baru selepas San Francisco dan London, Longley berkata adalah tepat pada masanya Malaysia dipilih semasa DHL sedang meninjau tapak untuk pusat ITnya di rantau ini.

Pada masa yang sama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengumumkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

McGurkin menambah: "... Bil jaminan dan iltizam kerajaan untuk

memperkenalkan undang-undang siber akan menghasilkan persekitaran yang dikehendaki untuk membina sistem kami dan cara perniagaan kami, untuk memenuhi pelbagai kehendak pelanggan kami di abad yang baharu."

DHL telah menerima status syarikat MSC dan ia juga adalah ahli Panel Penasihat Antarabangsa untuk MSC. Syarikat itu mempunyai pelan jangka panjang untuk menempatkan pusat ITnya di Cyberjaya di masa akan datang. --
BERNAMA

MK OS